

04 JAN 2000

Mahathir-kempen

KEMPEN SECARA SOPAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata anggota Umno yang bertanding jawatan naib presiden dan Majlis Tertinggi Umno pada pemilihan parti 11 Mei ini dikehendaki melakukannya secara tertib dan bersopan tanpa menggunakan wang.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata nasihat itu yang turut ditujukan kepada anggota parti yang berkempen untuk calon mereka yang bertanding, telah disampaikan pada mesyuarat Majlis Tertinggi parti di sini semalam.

"Saya meminta supaya kempen, jika diadakan, hendaklah ia dilakukan dengan tertib, bersopan dan tidak menggunakan wang dan sebagainya," katanya dalam satu temubual dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) selepas merakamkan perutusan Aidil Fitri di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya hari ini.

Dr Mahathir berkata janganlah kerana terlalu ghairah untuk memastikan calon mereka mendapat jawatan, mereka sanggup melihat parti berpecah.

"Janganlah kerana jawatan hingga berpecah parti, disebabkan kesetiaan kepada calon masing-masing," katanya.

Mengenai mesyuarat MT semalam yang membuat pendirian supaya beliau dicalonkan semula sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan bagi jawatan timbalan presiden dan kedua-duanya tidak ditentang, Dr Mahathir berkata keputusan itu bukan keputusan rasmi parti.

Keputusan MT itu dibuat secara sebulat suara tetapi ia (keputusan) bukan bermakna itu keputusan rasmi oleh parti kerana ia hanyalah pendirian MT, katanya.

"Tetapi sebagai MT tentu ia ada pengaruh," katanya.

MT juga membuat pendirian akan menasihati bahagian-bahagian supaya tidak ada pencalonan lain untuk kedua-dua jawatan itu.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob ketika mengumumkan keputusan MT itu berkata semua pengerusi badan perhubungan Umno negeri akan menasihati bahagian-bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing supaya mengikuti langkah MT dalam membuat pencalonan bagi kedua-dua jawatan itu.

Perhimpunan agung parti akan berlangsung selama tiga hari bermula 11 Mei manakala perhimpunan pergerakan Pemuda dan Wanita akan diadakan pada 10 Mei. Bahagian-bahagian Umno pula diberi tempoh enam minggu bermula 16 Jan untuk mengadakan persidangan perwakilan masing-masing.

-- BERNAMA

ARA MAI